

## SKIM INSENTIF INTEGRASI TANAMAN (ITa) dan INSENTIF INTEGRASI TERNAKAN (ITe)

- Peluang pekebun kecil menjana pendapatan sebagai usahawan tani dan usahawan ternak!!
- Rebutlah Peluang Insentif Integrasi Tanaman (ITa) dan Insentif Integrasi Ternakan (ITe).
- Layari: [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my) atau hubungi pejabat TUNAS MPOB berdekatan sekarang..



## Sidang Penerbit

**PENASIHAT**  
Dr Ahmad Kushairi Din

**PENGERUSI**  
Hj Mohamad Nor Abdul Rahman

**TIMBALAN PENGERUSI**  
Hj Wahid Omar

**KETUA PENYUNTING**  
Hj Hamdan Abu Bakar

**PENYUNTING**  
Dr Norman Kamarudin  
Dr Ahmad Tarmizi Hashim  
Hj Zulkifli Abd Manaf  
Raja Zulkifli Raja Omar  
Noor Asmawati Abd Samad  
M Ayatollah K Ab Rahman  
Abdullah Hashim

**SETIAUSAHA**  
Nur Hanani Mansor

## KANDUNGAN

● Dari Meja Ketua Penyunting	<b>2</b>
● Projek Rintis Ops Muda Wilayah Selatan	<b>4</b>
● Kenalilah... Aktinomiset untuk Kawalan Penyakit Ganoderma Sawit	<b>6</b>
● Kuiz Sawit	<b>7</b>
● Sudut Teknologi - Produk EMBIO™ actinoPLUS untuk Kawalan Penyakit Ganoderma Sawit	<b>9</b>
● Sudut Kreatif Sawit	<b>12</b>
● Sedutan Akhbar	<b>14</b>
● Tahukah Anda?	<b>16</b>
● Sembang Sawit	<b>17</b>
● Diari & Peristiwa	<b>18</b>
● Laporan Khas	<b>19</b>
● Berita Bergambar	<b>20</b>
● Sudut Ekonomi	<b>22</b>
● Peladang Jaya	<b>24</b>
● Direktori MPOB	<b>26</b>
● Kod Amalan Baik Tapak Semaian Sawit (CoPN)	<b>30</b>

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak boleh dianggap dipersetujui MPOB.



## DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Baru-baru ini warga Malaysia telah kehilangan beberapa orang tokoh utama yang memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan industri sawit negara khususnya kepada kumpulan pekebun kecil sawit. Mereka ialah Timbalan Menteri di Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) Allahyarhamah Tan Sri Noriah Kasnon dan Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Allahyarham Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad yang telah terbabit dalam tragedi nahas helikopter tanpa diduga semasa menjalankan tugas di Sarawak. Seluruh rakyat termasuk pekebun kecil sawit mendoakan semoga bakti dan jasa mereka diberkati dan dirahmati Allah.

Perpindahan Datuk Amar Douglas Uggah Embas, iaitu bekas Menteri MPIC untuk memangku jawatan Timbalan Ketua Menteri Sarawak yang baharu juga merupakan satu kehilangan besar kepada industri sawit. Diikuti persaraan Datuk Dr Choo Yuen May sebagai Ketua Pengarah MPOB pada 3 Julai 2016 yang mana selama perkhidmatannya sentiasa mengambil berat terhadap kepentingan dan kebajikan pekebun

kecil sawit. Khidmat mereka bagaimanapun diharap masih dapat diperolehi dalam memberi sokongan kepada golongan pekebun kecil demi kemajuan industri sawit negara.

Pekebun kecil dijangka akan terus diberi perhatian oleh pihak kerajaan melalui perlantikan YB Datuk Seri Mah Siew Keong sebagai Menteri MPIC yang baharu dan dibantu oleh YB Datuk Datu Nasrun sebagai Timbalan Menteri beliau, susulan rombakan kabinet yang telah dibuat. Perlantikan Dr Ahmad Kushairi Din sebagai Ketua Pengarah MPOB yang baharu serta pengganti Pengerusi MPOB, Datuk Wira Ahmad Hamzah juga akan terus membimbing dan memperjuangkan nasib pekebun kecil ke arah kecemerlangan industri sawit negara.

Dalam pada itu, penanam sawit termasuk pekebun kecil terus diperingatkan tentang ancaman serangan penyakit reput pangkal batang (BSR) yang disebabkan oleh kulat Ganoderma. Kes serangan terus meningkat dari tahun ke tahun, menyebabkan kejatuhan hasil buah tandan segar sawit (BTS) dan seterusnya mengurangkan pendapatan akibat kerosakan atau kematian

Bersambung ke muka surat 3

Sumbangan dari muka surat 2

pokok terlibat. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh MPOB sehingga Jun 2016, menunjukkan daripada 37 360 ha kawasan pekebun kecil ditinjau didapati 9.2% iaitu 3450 ha telah diserang penyakit ini. Keadaan ini sangat membimbangkan sekiranya langkah pengawalan tidak dilakukan segera. MPOB telah memperkenalkan beberapa teknologi dan kaedah pengawalan kepada industri termasuk penggunaan kulat, bakteria dan aktinomiset berfaedah yang mesra alam selain langkah sanitasi pencegahan awal perlu diambil.

Selain itu kejadian serangan ulat bungkus juga dilaporkan terus berlaku di beberapa kawasan terutama di Perak, Johor dan Selangor. Kerjasama daripada semua pihak yang terlibat sangat penting sebagai usaha menanganinya dan mengawal keadaan supaya tidak menjadi lebih serius.

MPOB sekali lagi akan menganjurkan Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit seperti dijadualkan

setiap dua tahun sekali. Pada kali ini, program akan dilangsungkan pada 11-12 Oktober 2016 di Hotel Kinta Riverfront, Ipoh, Perak. Warganegara Malaysia terutamanya pekebun kecil dan pengusaha sawit adalah dipelawa mengambil peluang menyertai program ini yang menjadi pentas kepada penggiat industri sawit untuk mendapatkan ilmu dan maklumat serta perkongsian pengalaman. Seterusnya program ini akan diikuti dengan acara Lawatan Teknikal pada 13 Oktober 2016 ke Taman Agroteknologi MARDI Cameron Highlands dan Kilang Yee Lee Edible Oils Sdn Bhd khas kepada peserta yang berminat. Borang penyertaan boleh diperolehi di pejabat MPOB berhampiran atau melayari [www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my).



Sumbangan:  
Hamdan Abu Bakar  
([hamdan@mpob.gov.my](mailto:hamdan@mpob.gov.my))

## Sudut Renungan



Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan air hujan itu buah-buahan yang berlainan jenis dan rupanya; dan di antara gunung-gunung pula ada yang mempunyai jalur-jalur serta lorong-lorong putih dan merah, yang berlainan warnanya (tua dan muda) dan ada juga yang hitam legam (27); Dan demikian pula di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, ada yang berlainan jenis dan warnanya? Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah daripada kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu.

Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun (28).

(Surah Al-Fatir: 27-28)

## PROJEK RINTIS OPS MUDA WILAYAH SELATAN



Produktiviti industri sawit diukur berdasarkan kepada pencapaian kadar perahan minyak (OER) oleh pihak kilang sawit. Kerajaan melalui NKEA telah menetapkan sasaran pencapaian OER pada kadar 23% menjelang tahun 2020. Pencapaian OER dipengaruhi oleh faktor-faktor yang boleh dikawal dan juga yang tidak boleh dikawal. Buah sawit muda adalah antara faktor boleh dikawal yang dikenal pasti sebagai faktor penyumbang kepada kejatuhan OER. Sehubungan itu, satu projek rintis yang dikenali sebagai Projek Rintis Ops Muda Wilayah Selatan telah dilaksanakan untuk melihat kaitan buah sawit muda dengan pencapaian OER.

Tindakan penguatkuasaan diambil ke atas pemegang lesen yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan 21(2) Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 iaitu membeli atau menerima buah sawit muda. Sebanyak 86 amaran dan 812 kompaun telah dikeluarkan sepanjang tempoh operasi tersebut. Selain itu, sebanyak tujuh kes telah dibawa ke mahkamah.

Projek Rintis Ops Muda Wilayah Selatan telah dijalankan selama tiga bulan dari 4 Ogos 2015 hingga 31 Oktober 2015. Tujuan ops ini adalah untuk memastikan tiada urus niaga buah sawit muda di pasaran dengan matlamat untuk meningkatkan pencapaian OER. Sebanyak 14 kilang SPPOMA dan 60 peniaga buah sawit di seluruh Johor telah terlibat dalam Ops Muda ini. Pelaksanaan operasi dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan statik yang ditempatkan

di kilang manakala kumpulan *mobile* yang memeriksa 60 peniaga buah sawit setiap hari bagi memastikan tiada urus niaga buah sawit muda diurusniagakan.



Rajah 2. Buah muda dilupuskan.

Hasil daripada operasi yang dijalankan, terdapat peningkatan OER bagi 14 kilang projek iaitu kenaikan sebanyak 1.32% daripada 19.02% pada Julai 2015 sebelum pelaksanaan projek kepada 20.34% pada Oktober 2015. Manakala, kilang bukan projek hanya meningkat 0.56% dari 20.76% kepada 21.32% bagi tempoh yang sama. Ini menggambarkan kehadiran buah sawit muda mempengaruhi pencapaian OER.



Sumbangan:  
Hj Zulkarnaen Ahmad  
(zulkarna@mpob.gov.my)

# Kulim DxP (Kulim-Dami DxP)

## Benih Kelapa Sawit Berpotensi Tinggi



- **Hasil Buah Tandan Segar Yang Tinggi.** Melebihi 25 tan/ha setahun dan boleh mencapai 30 hingga 35 tan/ha pada waktu puncak.

- **Hasil Awal Pada 24 Bulan Selepas Ditanam.** Hasil melebihi 10 tan/ha pada tahun pertama tuaian. Boleh mencapai sehingga 0tan/hadirekod daripada ujian berskala besar di Indonesia dan Papua New Guinea.

- **Kadar Perahan Minyak Luar Biasa.** Kadar perahan kilang melebihi 24% dan perahan minyak isirung boleh mencapai 6%. Progenies terbaik dalam ujian Dami terkini memberi kadar perahan sehingga melebihi 30% (minyak dan isirung) Berdasarkan pengekstrakan makmal.

CERTIFIED WITH CoPN FOR ALL 7 NURSERIES



# BiOnik

KILANG DIBAWAH:  
ISO 14000

## Baja Organik (bio kompos) Berkualiti Tinggi

- Suci dan Halal.
- Memperbaiki Struktur Tanah.
- Menambah Kesuburan Tanah.
- Menjimat Kos Pembajaan Kimia.
- Memulihara dan Memelihara Kelembapan Tanah.
- Memupuk Pertumbuhan Akar Tanaman.
- Mesra Alam dan Mapan.



Untuk maklumat lanjut sila hubungi kami di :

**KULIM NURSERY SDN BHD (844733-P)**

1st Floor, Wisma KNSB, No. 416, Jalan Kenanga 29/10,

Indahpura, 81000 Kulaijaya, Johor Darul Takzim.

General Manager : SALIM BIN ASMU / [salim@kulim.com.my](mailto:salim@kulim.com.my)

Email : [kulimnursery@kulim.com.my](mailto:kulimnursery@kulim.com.my) Website : [www.kulimnursery.com](http://www.kulimnursery.com)

Tel : 07-662 6031 ; 07-663 3087 Fax : 07-662 6035 H/P : 013-786 8352

**KulimNursery**  
Sdn. Bhd.

**KENALILAH...****AKTINOMISET UNTUK KAWALAN PENYAKIT GANODERMA SAWIT**

Aktinomiset merupakan bakteria gram positif yang mempunyai filamen bercabang (Rajah 1a). Ia merupakan salah satu daripada kumpulan terbesar populasi mikroorganisma tanah. Aktinomiset berupaya menghasilkan bahan aktif dengan aktiviti anti-mikroorganisma seperti antibiotik yang berguna dalam bidang perubatan. Selain daripada itu, ia juga berpotensi digunakan dalam bidang pertanian. Kajian menunjukkan kepentingan aktinomiset di persekitaran rizosfera. Rizosfera adalah kawasan dalam tanah yang mengelilingi akar tumbuhan dan keadaannya dipengaruhi oleh rembesan akar. Di antara kepentingan aktinomiset di kawasan ini adalah membantu dalam penguraian bahan organik dan meningkatkan kesuburan tanah, mempengaruhi dan menggalakkan pertumbuhan tanaman serta melindungi akar tanaman daripada serangan mikroorganisma perosak. Aktinomiset pencilan rhizosfera, terutamanya daripada genus *Streptomyces* berupaya menjadi agen kawalan biologi yang berkesan. Kebolehpayaan *Streptomyces* untuk hidup dalam tekanan sekitaran dan keadaan melampau seperti kekeringan dan kekurangan nutrien menjadikan ia sebagai salah satu calon yang baik bagi tujuan ini. Keupayaan *Streptomyces* dalam merencat pelbagai jenis fungus perosak telah dibuktikan secara saintifik oleh penyelidik seluruh dunia.

MPOB telah membangunkan EMBIO™ actinoPLUS yang merupakan formulasi serbuk bioorganik berasaskan mikrob. Produk ini mengandungi *Streptomyces* GanoSA1 yang telah diformulasikan bersama-sama dengan vermikulit, iaitu sejenis mineral semulajadi dan arang biologi (Rajah 1b dan c). *Streptomyces* GanoSA1 adalah mikrob tanah yang hidup di dalam rizosfera dan pada permukaan akar pokok sawit. Ia bertindak sebagai perisai daripada serangan *Ganoderma* dengan mengeluarkan bahan aktif yang mengandungi sifat anti-kulat. *Streptomyces* GanoSA1 telah terbukti secara saintifik dapat merencat pertumbuhan *Ganoderma boninense* di peringkat makmal (Rajah 1d) serta mengawal kejadian penyakit *Ganoderma* serta meningkatkan pertumbuhan vegetatif sawit di peringkat tapak semaian sawit dan ladang.



Sumbangan:  
Shariffah Muzaimah Syed Aripin @ Isa  
(muzaripin@mpob.gov.my)



Rajah 1. *Streptomyces* GanoSA1; a)struktur bercabang aktinomiset, b) serbuk organik EMBIO™ actinoPLUS dengan *Streptomyces* GanoSA1, c) bungkus EMBIO™ actinoPLUS dan d) kesan perencatan *Streptomyces* GanoSA1 ke atas *Ganoderma boninense* di peringkat makmal.

## ????????? **Kuiz Sawit** ???????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah **RM 100** sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya **tiga** penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

### Syarat penyertaan

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila bulatkan jawapan yang betul;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **31 DISEMBER 2016**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar/faks/emel jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit  
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620  
50720 Kuala Lumpur  
u/p: Unit Khidmat Pengembangan,  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan  
Faks: 03-8920 2932  
Emel: shuhadah@mpob.gov.my

**JANGAN  
LEPASKAN  
PELUANG  
MEMENANGI  
RM 100**

**SUMBER MAKLUMAT UNTUK MENJAWAB SOALAN KUIZ INI ADALAH BERDASARKAN  
ARTIKEL-ARTIKEL DALAM WARTA SAWIT BIL. 62/(2) MEI-OGOS 2016.**

1. Berapakah sasaran pencapaian kadar perahan minyak (OER) yang telah ditetapkan oleh kerajaan menjelang tahun 2020?
  - a. 23%
  - b. 27%
  - c. 30%
  - d. 31%
  
2. Pernyataan manakah yang salah tentang *Streptomyces* yang dipilih untuk menjadi agen kawalan biologi dalam produk EMBIO™ actinoPLUS.
  - a. Kebolehpayaan untuk *Streptomyces* hidup dalam tekanan sekitaran.
  - b. Boleh hidup dalam keadaan melampau seperti kekeringan dan kekurangan nutrien.
  - c. Menggalakkan pertumbuhan *Ganoderma*.
  - d. Kebolehpayaan dalam merencat pelbagai jenis fungus perosak.

*Bersambung ke muka surat 8*

Sambungan dari muka surat 7

3. Mikroorganisma apakah yang terkandung di dalam produk EMBIO™ actinoPLUS?
  - a. *Streptomyces griseus*
  - b. *Streptomyces GanoSA1*
  - c. *Ganoderma boninense*
  - d. *Trichoderma* sp.
  
4. Inulin menggalakkan pertumbuhan bakteria baik dalam usus seperti berikut:
  - i. *Streptomyces*
  - ii. *Bifidobacterium bifidum*
  - iii. *Lactobacillus acidophilus*
  - iv. *Cyanocobalamin*
  - a. i dan ii
  - b. i dan iii
  - c. ii dan iii
  - d. Semua di atas
  
5. Berapakah kekerapan *Peladang Jaya*, En George Paulai melakukan aktiviti penuaian sawit dalam masa sebulan?
  - a. Sekali dalam sebulan
  - b. Dua kali sebulan
  - c. Tiga kali sebulan
  - d. Empat kali sebulan

Nama : \_\_\_\_\_  
No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_  
No. Telefon : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**JAWAPAN SOALAN KUIZ WARTA SAWIT BIL. 62(1)/ JANUARI-APRIL 2016**

1. b
2. c
3. b
4. b
5. d


## SUDUT TEKNOLOGI

### PRODUK EMBIO™ actinoPLUS UNTUK KAWALAN PENYAKIT GANODERMA SAWIT

Penyakit reput pangkal batang yang disebabkan oleh kulat *Ganoderma* merupakan satu ancaman kepada kemampuan industri sawit negara. Penyakit ini menyerang pokok sawit belum matang, pokok muda dan matang. Serangan penyakit ini akan menyebabkan pokok tidak produktif dan akhirnya mati (Rajah 1). Pelbagai usaha telah dilakukan MPOB bagi mengawal penyakit ini di ladang sawit. Antara teknologi yang telah diperkenalkan ialah kawalan penyakit melalui penggunaan agen kawalan biologi. Kawalan biologi adalah kaedah bagi mengawal populasi perosak melalui penggunaan mikroorganisma seperti kulat, bakteria dan aktinomiset. Untuk aktinomiset, MPOB telah berjaya mengenal pasti beberapa pencilan *Streptomyces* sebagai agen kawalan biologi terhadap penyakit *Ganoderma*.

Kajian menunjukkan *Streptomyces GanoSA1* (aktinomiset pencilan tanah) berupaya bertindak secara antagonis terhadap *G. boninense*. Usaha sama antara MPOB dan Pascal Biotech Sdn Bhd telah berjaya memformulasikan *Streptomyces GanoSA1* ke dalam produk EMBIO™ actinoPLUS bagi membolehkan ia diaplikasi kepada pokok sawit di peringkat tapak semaian dan ladang bagi mengawal penyakit Ganoderma (Rajah 2). Produk EMBIO™ actinoPLUS telah dikomersialkan oleh syarikat tersebut. Keberkesanan produk ini diuji di peringkat makmal, tapak semaian dan ladang. Kajian di makmal menunjukkan produk EMBIO™ actinoPLUS memberikan kesan perencatan terhadap pertumbuhan *G. boninense*.

Keberkesanan produk EMBIO™ actinoPLUS untuk kawalan penyakit *Ganoderma* dibuktikan dengan mengkaji kesan produk tersebut terhadap kemandirian anak pokok sawit dan perkembangan kejadian penyakit di peringkat tapak semaian dan ladang. Kemandirian anak pokok sawit yang dirawat dengan produk ini adalah lebih baik (43.3%) berbanding anak pokok sawit yang tidak dirawat (73.3%). Kajian merekodkan kadar jangkitan *Ganoderma* yang lebih rendah (51.1%) pada anak pokok sawit yang dirawat berbanding tanpa rawatan (93.3%). Kejadian penyakit *Ganoderma* pada anak pokok juga telah dapat dikurangkan sebanyak 65.2%. Kajian di ladang




Rajah 1. Penyakit Ganoderma di ladang sawit, a) Simptom daun pada pokok sawit matang, b) Jasad berbuah Ganoderma dan, c) Pereputan pada batang di bahagian pangkal pokok akibat serangan kulat Ganoderma.

Sambungan dari muka surat 9



Rajah 2. Produk EMBIO™ actinoPLUS untuk kawalan pencegahan penyakit Ganoderma.




Rajah 3. Ujian keberkesanan EMBIO™ actinoPLUS di ladang sawit; a) Pokok sawit tanpa aplikasi EMBIO™ actinoPLUS mati akibat serangan Ganoderma dan, b) Pokok sawit sihat dengan aplikasi EMBIO™ actinoPLUS.

menunjukkan anak pokok sawit yang dirawat dengan EMBIO™ actinoPLUS masih hidup berbanding dengan 23.3% pokok sawit tanpa rawatan mati akibat jangkitan *Ganoderma* selepas 30 bulan kajian dijalankan (Rajah 3).

Produk EMBIO™ actinoPLUS terbukti boleh mencegah serangan penyakit *Ganoderma* ke atas

pokok sawit yang ditanam di ladang. Produk ini juga adalah mesra alam dan tiada kesan sampingan terhadap manusia dan haiwan. Produk ini disyorkan bagi kawalan pencegahan penyakit *Ganoderma* ke atas pokok sawit bermula di peringkat tapak semeaian, lubang tanaman dan selepas tanaman.



Sumbangan:  
Shariffah Muzaimah Syed Aripin @ Isa  
(muzaripin@mpob.gov.my)



**RealStrong®**  
AgriCulture Innovation

# RealStrong MPOB F4 Baja 3 dalam 1

## 3 kali ganda kebaikan

**Tanaman  
yang sihat  
dengan nutrien  
yang  
seimbang**

**Meningkatkan  
kesuburan tanah melalui  
teknologi EM (mikroorganisma  
bermanfaat) untuk  
pertumbuhan yang baik  
dan pengeluaran hasil  
yang optimum**

**Akar yang  
sihat menjamin  
penyerapan nutrien  
yang efisien untuk  
hasil yang lebih  
baik**



**Penemuan  
rumusan  
bio-kimia**

**Difomulasikan  
dengan MPOB  
untuk sawit**



**All Cosmos Industries Sdn Bhd** (487874-D)

**Headquarters:** PLO 650, Jalan Keluli 7, Pasir Gudang Industrial Estate, 81700 Pasir Gudang, Johor, Malaysia.  
Tel: +607-252 3788 Fax: +607-251 2588/ +607-252 5298

**Johor Manufacturing Plant:** PLO 539, Jalan Keluli, Pasir Gudang Industrial Estate, 81700 Pasir Gudang, Johor, Malaysia.

**Johor Manufacturing Plant:** PLO 442, Jalan Suasa, Pasir Gudang Industrial Estate, 81700 Pasir Gudang, Johor, Malaysia.  
Tel: +607-252 8066 Fax: +607-255 3904

**Kuala Lumpur Office:** NO. 42-2, Jalan PUJ 5/11, Dataran Sunway, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.  
Tel: +603-6141 6758 Fax: +603-6141 6548

**Sabah Manufacturing Plant:** POIC, Lot 50 & 51, Phase 2, Jalan Tengah Nipah 5.5km, 91100 Lahad Datu, Sabah, Malaysia.  
Tel: +6089-863 280 Fax: +6089-863 290

Email: sales\_marketing@allcosmos.com Website : www.allcosmos.com



Find us at Facebook

[www.facebook.com/allcosmos](http://www.facebook.com/allcosmos)



[www.youtube.com/theacbt](http://www.youtube.com/theacbt)



## SAMBAL SOTONG SANTAN SAWIT



### Bahan

- ½ kg sotong segar
- 15 tangkai cili kering\*
- 3 ulas bawang merah\*
- 2 ulas bawang putih\*
- ½ biji bawang besar (dihiris)
- 2 sudu besar sos tomato
- 2 sudu besar sos tiram
- 3 sudu besar santan sawit
- ¼ cawan air asam jawa
- Sedikit air
- Minyak untuk menumis
- Gula, garam dan serbuk perasa secukup rasa

### Cara Penyediaan

1. Sotong segar dihiris dan dibersihkan. Toskan sotong tersebut.
2. Bahan-bahan bertanda (\*) dikisar dan ditumis seketika sehingga pecah minyak.
3. Apabila bahan tumis sudah masak dan naik bau, masukkan sedikit gula dan air asam jawa. Kacau rata sehingga mendidih.
4. Masukkan sos tomato, sos tiram, garam dan serbuk perasa secukup rasa.
5. Masukkan sotong, hirisan bawang besar dan sedikit air. Kacau sehingga sotong hampir masak.
6. Masukkan santan sawit dan kacau seketika.
7. Sambal sotong santan sawit sedia dihidang.



Resipi ini disumbangkan oleh:  
Pn Juwita Abd Ghafar

(Bahagian Penyelidikan Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat)

### PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap berserta nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB.

**Sudut Kreatif Warta Sawit**  
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620  
50720 Kuala Lumpur  
u/p: Unit Khidmat Pengembangan,  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan



*Di perjalanan ini...*

# SEDUTAN AKHBAR

**Tajuk : SISTEM KUPON SELESAI MASALAH BAJA PEKEBUN KECIL SAWIT DI SARAWAK**

**Sumber : Bernama, 2 Mei 2016**

BINTULU - Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan memperkenalkan kaedah 'kupon' bagi menyelesaikan masalah penerimaan pengagihan baja di negeri itu.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Amar Douglas Uggah berkata keputusan itu dibuat berikutan dakwaan pekebun kecil sawit sukar mendapat bekalan baja dan mahu proses pemberian bahan itu dipercepatkan.

Masalah itu antara yang dibangkitkan dalam dialog di antara pekebun kecil sawit dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, katanya.

**Tajuk : PUSAT LATIHAN SAWIT BAKAL DIBINA DI KUALA KANGSAR**

**Sumber : Berita Harian, 18 Jun 2016**

KUALA KANGSAR - Sebuah pusat latihan sawit bakal dibina bagi memberi latihan kepada belia berkaitan industri sawit selain menjalankan kajian pembangunan dan penyelidikan berkaitan bahan komoditi itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Nancy Shukri, berkata pusat itu akan dibina di kawasan seluas 18 ha di Manong, dekat sini.

"Pembinaan pusat latihan ini sudah pun diluluskan kerajaan, ia akan dibina di Manong (di kawasan) yang berkeluasan 18 ha," katanya selepas menyampaikan bantuan insentif kepada pekebun kecil pada program Hello Komoditi di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Tajul Ariffin, di sini, hari ini.

Beliau berkata pusat itu adalah antara hasrat Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datuk Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad yang ingin melihat pembangunan sawit di Kuala Kangsar berkembang maju, sebelum beliau meninggal dunia dalam nahas helikopter di Sebuyau, Sarawak, 5 Mei lalu.

Bagaimanapun, Nancy berkata perincian kos dan tarikh pelaksanaan pusat itu belum diputuskan lagi.

**Tajuk : B10 - KEMENTERIAN, PENGELUAR BERBINCANG**

**Sumber : Utusan Malaysia, 18 Julai 2016**

KUALA LUMPUR - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan bermesyuarat dengan syarikat automotif dan pengeluar minyak sawit esok berhubung pelaksanaan mandat biodiesel B10.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, antara perkara utama yang akan disentuh dalam mesyuarat itu termasuk kebimbangan pihak berkenaan terhadap pelaksanaan B10 yang sepatutnya dikuatkuasakan Jun lalu.

"Kami memahami masalah yang dihadapi pengeluar kereta dan berharap dapat berbincang dengan baik berhubung perkara ini," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di sini hari ini.

Juga turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk M. Nagarajan dan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din.

**Tajuk : MINYAK SAWIT MERAH PENTING UNTUK MELAWAN KEKURANGAN VITAMIN A**

**Sumber : Bernama, 12 Ogos 2016**

TIANJIN - Malaysia, pembekal minyak sawit utama ke China, akan terus menawarkan minyak makan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan warga China, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong.

Bersambung ke muka surat 15

*Sambungan dari muka surat 14*

Beliau berkata Malaysia telah melabur dari segi kewangan dan modal insan untuk lebih mengetahui kesan minyak sawit ke atas kesihatan manusia.

Ini dibuktikan dengan penemuan terkini daripada Program Minyak Sawit Merah, oleh Institut Penyelidikan dan Perkhidmatan Teknikal Minyak Sawit MPOB (PORTSIM) di Gansu, China di mana 2000 kanak-kanak sekolah diberi biskut yang diperbuat daripada minyak sawit merah untuk melawan kekurangan vitamin A.

“Hasilnya, setelah memakan biskut berasaskan sawit, kekurangan (vitamin A) turun daripada 21.6% kepada 6.0%. “Ini jelas menunjukkan bahawa minyak sawit memainkan peranan lebih besar di pasaran minyak dan lemak China dan kami yakin penggunaan minyak sawit di China akan terus meningkat,” katanya.

### **Tajuk : INDUSTRI SAWIT DI KAWASAN TANAH GAMBUT DIPASTIKAN TIDAK ROSAKKAN ALAM SEKITAR**

*Sumber : Bernama, 16 Ogos 2016*

KUCHING - Kerajaan akan terus memberi penekanan terhadap pembangunan lestari berkaitan industri sawit di negara ini, terutama di kawasan tanah gambut.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Seri Mah Siew Keong berkata langkah itu bertujuan memastikan pembangunannya tidak merosakkan alam sekitar dan ekosistem.

Berucap pada Kongres Tanah Gambut Antarabangsa ke-15 di sini hari ini, beliau berkata Malaysia mempunyai kawasan tanah gambut seluas 2.43 juta hektar, 27.5% daripadanya sudah dibangunkan untuk penanaman sawit.

### **Tajuk : PENDAPATAN EKSPORT PRODUK KOMODITI MENINGKAT**

*Sumber : Harian Metro, 23 Ogos 2016*

PUTRAJAYA - Pendapatan eksport produk komoditi dari Januari hingga Jun meningkat sebanyak 3.2% iaitu RM 56.3 bilion berbanding RM 54.5 bilion pada tahun lalu.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, pencapaian itu menunjukkan sektor komoditi negara bagi separuh tahun pertama menunjukkan perkembangan positif.

“Prestasi harga komoditi utama juga meningkat dengan harga minyak sawit mentah sehingga Rabu lalu mencecah RM 2798 setan berbanding RM 2517 sebelum ini, manakala semalam purata harga buah tandan segar turut meningkat sebanyak 15.9% iaitu RM 546 setan kepada RM 655 setan.

“Kedua-dua harga ini adalah purata harga tertinggi direkodkan sepanjang tahun ini dan kita akan terus meningkatkan pencapaian sektor komoditi sebagai benteng kemakmuran ekonomi negara,” katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan, Kibar Jalur Gemilang 2016 di sini, hari ini.

### **Tajuk : PENYELIDIKAN, PENGKOMERSIALAN PRODUK HILIRAN SAWIT PERLU DIPERGIAT**

*Sumber : Bernama, 23 Ogos 2016*

KUALA LUMPUR - Pelbagai usaha penyelidikan dan pengkomersialan produk hiliran sawit perlu dipergiatkan bagi memastikan sektor komoditi itu kekal mampan dan berdaya saing bagi jangka panjang, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong.

“Pada masa sama, kerjasama erat antara kerajaan dan industri perlu diwujudkan untuk saling menangkis kempen anti minyak sawit pihak Barat yang hanya berasaskan tuduhan diskriminasi,” katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Kenyataan itu bersempena lawatan separuh hari beliau ke kilang KL-Kepong Oleomas Sdn Bhd di Pulau Indah, Pelabuhan Klang, bagi membincangkan perkembangan industri oleokimia di Malaysia, khususnya pengeluaran surfaktan, oleokimia dan hasil sampingannya.

# TAHUKAH ANDA?

## AIS KRIM PREBIOTIK BERASASKAN SAWIT



Rajah 1. Ais krim prebiotik yang dihasilkan penyelidik MPOB.

Apa itu prebiotik? Inilah soalan yang sering timbul bila kita ingin bercakap tentang pemakanan sihat kepada masyarakat umum. Bunyinya terlalu saintifik, tetapi ia adalah perkara sebenar yang tidak asing dalam kehidupan seharian. Prebiotik adalah serat karbohidrat yang didapati secara semulajadi dalam tumbuh-tumbuhan seperti gandum, bawang, bawang putih, pisang, asparagus dan chikori. Serat ini digunakan sebagai ramuan fungsian dalam pelbagai produk makanan yang diperkaya dengan serat. Terdapat pelbagai serat fungsian di pasaran, bagaimanapun inulin merupakan salah satu serat yang digunakan secara meluas. Inulin banyak digunakan dalam produk rendah lemak seperti minuman yogurt dan susu kultur untuk memberi cita rasa berkrim dan konsistensi produk. Selain daripada kepentingan serat, inulin menggalakkan pertumbuhan bakteria baik dalam usus. *Lactobacillus acidophilus* dan *Bifidobacterium bifidum* adalah bakteria baik yang banyak digunakan dalam produk minuman yogurt dan susu kultur dan inulin sering dikaitkan sebagai bahan atau media untuk pertumbuhannya.

MPOB telah mengambil inisiatif untuk menghasilkan ais krim yang mengandungi serat inulin yang dikenali sebagai ais krim prebiotik. Ini bagi mempelbagaikan produk ais krim berasaskan sawit di samping menghasilkan produk yang mempunyai nilai tambah dari segi kesihatan bagi memenuhi kehendak pengguna dan pasaran

semasa. Ais krim ini diformulasikan mengikut spesifikasi formulasi piawaian yang ditetapkan Peraturan Makanan 1985 iaitu menggunakan 10% lemak. Sebagaimana pembuatan ais krim lain, prebiotik ais krim dihasilkan melalui proses penyejukan dan pengudaraan campuran emulsi untuk menghasilkan ais krim yang lembut dan gebu. Campuran emulsi ais krim terdiri daripada ramuan minyak sawit sebagai gantian lemak tenusu, susu skim dan digabungkan dengan perasa, pemanis, pengemulsi, penstabil dan air.


Minyak/lemak sawit sangat sesuai digunakan sebagai gantian lemak tenusu yang merupakan komponen penting dalam pembuatan ais krim. Sifat keleburan minyak sawit menjadikannya sesuai digunakan sebagai gantian lemak tenusu tanpa dihidrogenat, menyumbang kepada rasa berlemak dan juga membentuk struktur dan tekstur ais krim. Mungkin ramai yang tidak tahu bahawa minyak sawit, minyak isirung sawit dan pecahannya telah digunakan secara meluas dalam pembuatan ais krim. Minyak ini telah memenuhi spesifikasi yang diperlukan dalam pembuatan ais krim seperti takat lebur, kandungan lemak pepejal dan komposisi asid lemak. Di samping itu, harganya lebih murah berbanding dengan lemak tenusu dan sumber lain yang tersedia ada.

Sambungan dari muka surat 16

Sifat fizikal ais krim prebiotik berasaskan sawit ditentukan oleh peratusan minyak dan inulin yang diguna pakai di dalam formulasi ais krim. Ais krim prebiotik daripada sawit yang dihasilkan mempunyai ciri-ciri ais krim bermutu tinggi seperti tekstur yang lembut, kandungan udara (*overrun*) yang tinggi dan sifat kecairan yang baik. Tambahan pula penilaian sensori terhadap ais krim ini yang menggunakan panel penilai MPOB menunjukkan pengguna boleh menerima ais krim ini tanpa ada perbezaan yang ketara dengan ais krim biasa dari segi rasa, berkrim dan rupa bentuknya. Peratusan kandungan udara


adalah di antara 73.1%-79.2%, kecairan 88.1%-82.9% dan kelembutan tekstur ais krim 305.5-337 mm.

Walaupun ais krim prebiotik belum ada di pasaran tetapi permintaan terhadap produk yang mengandungi inulin seperti produk minuman yogurt dan susu kultur telah meningkat. Penggunaan serat di dalam ais krim ini menyebabkan produk ini mempunyai kelebihanannya tersendiri kerana ia memberi kebaikan kepada pengguna yang alah kepada gula laktosa, selain minyak sawit adalah bebas asid lemak *trans*.



Sumbangan:  
Wan Rosnani Awg Isa  
(wros@mpob.gov.my)

## SEMBANG SAWIT



Eh lembu.. Kau ada dengar tak MPOB ada menyediakan Insentif Integrasi Tanaman dan Ternakan dengan Sawit?

Wah.. Berita baik ni!! Sekurangnya insentif ini dapatlah melahirkan usahawan tani di kalangan pekebun kecil sawit nanti.

# DIARI & PERISTIWA

(SEPTEMBER-DISEMBER 2016)

Program/Kursus	Tarikh	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi
<b>SENARAI KURSUS UNTUK PEKEBUN KECIL ANJURAN TUNAS, MPOB</b>			
<b>ZON UTARA</b>			<p><b>Penyelaras Tunas Zon Selatan 1</b> Nursuhana Dahari Tel : 07-789 1133 <i>nursuhana@mpob.gov.my</i></p> <p><b>Penyelaras TUNAS Zon Selatan 2</b> Hasmiza Desa Tel: 07-454 130 <i>hasmiza.desa@mpob.gov.my</i></p> <p><b>Penyelaras Tunas Zon Tengah</b> Parthiban Kannan Tel : 03-8926 1854 <i>parthiban@mpob.gov.my</i></p> <p><b>Penyelaras TUNAS Zon Timur</b> Mohd. Khairul Anwar Isnin Tel : 09-296 0580 <i>khairulanwar@mpob.gov.my</i></p> <p><b>Penyelaras TUNAS Zon Utara</b> Tan Say Peng Tel : 05-623 4104 <i>saypeng@mpob.gov.my</i></p> <p><b>Penyelaras Tunas Zon Sabah 1</b> Amran Arifin Tel : 088-493 700 <i>amranarifin@mpob.gov.my</i></p> <p><b>Penyelaras TUNAS Zon Sabah 2</b> Shakir Alid Tel: 089-897 107 <i>shakir@mpob.gov.my</i></p> <p><b>Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 1</b> Arfan Johari Tel: 083-436 273 <i>arfan@mpob.gov.my</i></p> <p><b>Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 2</b> Khairul Abidin Tel: 085-427 166 <i>khairul.abidin@mpob.gov.my</i></p>
Seminar Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit	11-12/10/2016	Hotel Kinta Riverfront, Ipoh, Perak	
<b>ZON TENGAH</b>			
Lawatan Sambil Belajar	11-12/10/2016	Hotel Kinta Riverfront, Ipoh, Perak	
<b>ZON TIMUR</b>			
Kursus Sehari Sawit untuk Pekebun Kecil	26/9/2016	Balai Raya Kg Semayor Kemaman, Terengganu	
Lawatan Sambil Belajar	11-12/10/2016	Hotel Kinta Riverfront, Ipoh, Perak	
<b>ZON SELATAN 1</b>			
Lawatan Sambil Belajar	11-12/10/2016	Hotel Kinta Riverfront, Ipoh, Perak	
<b>ZON SELATAN 2</b>			
Program Latihan Pensijilan GAP/ Promosi Koperasi /MAT Koperasi	27/9/2016 29/11/2016	KPSM Yong Peng Utara Berhad - Promosi KPSM Yong Peng Utara Berhad - MAT	
Lawatan Sambil Belajar	11-12/10/2016	Hotel Kinta Riverfront, Ipoh, Perak	
<b>ZON SABAH 1</b>			
Kursus Sehari Sawit untuk Pekebun Kecil	15/6/2016	Dewan Serbaguna Belia, Nabawan, Sabah	
<b>ZON SABAH 2</b>			
Program Latihan Pensijilan GAP/ Promosi Koperasi /MAT Koperasi	21/9/2016 17/12/2016	Dewan Serbaguna Persatuan Datu Ugi, Sabah Dewan Persatuan Warga Emas, Kinabatangan, Sabah	
Roadshow Bantuan MPOB (TBSPK/ TSSPK /SBSPK)	29/9/2016	Dewan Serbaguna Tongod, Sabah	

## LAPORAN KHAS

### DR AHMAD KUSHAIRI DIN DILANTIK KETUA PENGARAH MPOB



*Datuk Seri Mah Siew Keong menyerahkan watikah perlantikan sebagai Ketua Pengarah MPOB kepada Dr Ahmad Kushairi Din. Turut kelihatan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur dan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk M. Nagarajan.*

PUTRAJAYA – Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong menyerahkan surat perlantikan kepada Dr Ahmad Kushairi Din sebagai Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berkuatkuasa 4 Julai 2016.

Sebelum ini beliau adalah Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB.

Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang genetik kuantitatif dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan mempunyai Ijazah Sarjana (Master) Sains dari UKM dan Louisiana State University (LSU), Amerika Syarikat serta Ijazah Sarjana Muda (Agric.Sc) dari Universiti Pertanian Malaysia (UPM).

Dilahirkan pada 1958 di Malim Nawar, Perak dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam hampir 40 tahun.

Beliau memulakan perkhidmatan bersama MPOB (PORIM) pada 1979 dan merupakan golongan perintis penubuhan institusi penyelidikan sawit pada ketika itu.

Beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB pada 2011 dan sebelum itu merupakan Pengarah Penyelidikan Biologi MPOB sejak 2004.

Dr Kushairi berpengalaman luas dalam bidang penyelidikan khususnya bidang biak baka dan genetik tanaman sawit.

Beliau bersama kumpulan penyelidikan biak baka berjaya menghasilkan penemuan baharu

13 jenis bahan tanaman sawit dan pengumpulan germplasma sawit yang melibatkan ekspedisi di negara Afrika dan Amerika Selatan.

Dalam bidang penyelidikan, beliau telah menghasilkan 32 teknologi baharu yang ditawarkan kepada pihak industri bagi tujuan pengkomersialan, empat paten dan tujuh standard Malaysia serta mengendalikan lebih 60 persidangan dan seminar.

Beliau aktif dalam penulisan saintifik dan teknikal dengan 270 penerbitan ilmiah serta suntingan kertas pembentangan dan manuskrip.

Beliau juga terlibat dalam pembangunan modal insan dengan mempengerusikan Program Pembangunan Sumber Manusia bagi pelajar lepasan ijazah dan menyelia pelajar PhD dan Master.

Selain penglibatan dalam penyelidikan genetik tanaman sawit, beliau juga menyumbang kepakarannya melalui khidmat perundingan kepada pihak industri dan turut dilantik sebagai ahli lembaga dalam sektor awam dan swasta, keahlian dalam jawatankuasa kebangsaan dan badan profesional.

Beliau adalah Presiden International Society for Oil Palm Breeders (ISOPB), sebuah badan yang berperanan memajukan penyelidikan biak baka tanaman sawit di peringkat antarabangsa.

Dr Kushairi dianugerahkan Pingat Johan Mangku Negara (JMN) oleh Yang Dipertuan Agong dan anugerah serta penghargaan lain sepanjang perkhidmatannya.

# Berita Bergambar



Ahli Lembaga Koperasi (ALK) bersama kakitangan MPOB sempena Mesyuarat Pengarah Bahagian Pengurusan Kewangan dan Pembangunan MPOB bersama KPSM Semenanjung yang diadakan di Bangunan Penyelidikan Kemajuan Teknologi Oleokimia, MPOB pada 25 Mei 2016.

Pemangku Menteri MPIC, YB Hjh Nancy Shukri (tengah) diberi penerangan oleh Penyelidik MPOB (kiri) semasa membuat lawatan sempena Seminar dan Pameran Pemindahan Teknologi (TOT) MPOB ke-22 di Ibu Pejabat MPOB pada 2 Jun 2016. Beliau diiringi oleh Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kanan).



YB Hjh Nancy Shukri diberi penerangan berkenaan buah sawit oleh Pengarah IRED, Hj Wahid Omar (dua dari kanan) semasa melawat gerai pameran sempena Hello Komoditi Sungai Besar yang diadakan di Dewan Bestari Sekolah Menengah Kebangsaan Sg. Besar, Selangor pada 7 Jun 2016. Turut serta Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan), Hj Mohamad Nor Abdul Rahman (kiri) dan Pengarah Ekonomi dan Pembangunan Industri MPOB, En Balu Nambiappan, (tiga dari kanan).

YB Hjh Nancy Shukri bersama pekebun kecil yang menerima cenderamata sumbangan input pertanian daripada MPOB sempena Hello Komoditi Kuala Kangsar, Perak yang diadakan pada 10 Jun 2016 di Dewan Semesta, SMK Tajul Ariffin Manong, Kuala Kangsar, Perak.





YB Datin Mastura Tan Sri Mohd Yazid, Ahli Parlimen Kuala Kangsar (tengah) menyampaikan sumbangan kepada asnaf dan anak yatim sempena Majlis Tahlil dan Berbuka Puasa anjuran MPOB bersama Berita Harian Sdn Bhd (BH) yang diadakan di Masjid Al-Mukhlisin, Kg Guar Manong, Kuala Kangsar, Perak pada 23 Jun 2016. Turut kelihatan Hj Mohamad Nor Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB (dua dari kiri).

Timbalan Menteri MPIC, YB Datuk Datu Nasrun Datu Mansur (kiri) menyampaikan sumbangan kepada anak yatim yang hadir ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri MPOB 2016/1437H yang diadakan di Ibu Pejabat MPOB pada 26 Julai 2016. Turut kelihatan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din (tengah).



Sesi soal jawab antara pengilang dan pihak MPOB sempena Taklimat Peluang Perniagaan Baja Secara Usahasama di antara KPSM dan Pihak Pengilang Baja MPOB F1-F6 yang diadakan pada 14 Julai 2016 di Ibu Pejabat MPOB.

Menteri MPIC, YB Datuk Seri Mah Siew Keong (kiri) merasmikan Bangunan Teknologi Oleokimia sempena Lawatan Kerja ke Ibu Pejabat MPOB pada 18 Julai 2016. Turut kelihatan Ketua Setiausaha MPIC, Datuk M. Nagarajan (kanan); Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din (dua dari kiri) dan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Hj Mohamad Nor Abdul Rahman (dua dari kanan).



# SUDUT EKONOMI

MEI-JULAI 2016

Pada setiap tahun, kitaran pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) Malaysia akan menunjukkan arah aliran peningkatan bermula pada bulan Mei. Pengeluaran MSM bagi Mei-Julai 2016 dicatatkan pada 4.49 juta tan iaitu menurun sebanyak 0.90 juta tan atau 16.7% berbanding 5.39 juta tan bagi tempoh masa yang sama pada 2015 (*Jadual 1*). Faktor utama yang menyumbang kepada penurunan pengeluaran MSM pada Mei-Julai 2016 adalah disebabkan oleh pengurangan pengeluaran hasil buah tandan segar (BTS) di setiap wilayah terutama di Semenanjung dan Sabah kesan daripada fenomena *El Nino* yang kuat melanda negara bermula pada suku tahunan kedua 2015 sehingga suku tahunan kedua 2016.

bagi tempoh masa yang sama pada 2015. Harga isirung sawit didapati mengalami peningkatan sebanyak RM 946 per tan iaitu kepada RM 2434 per tan berbanding RM 1488 per tan bagi tempoh masa yang sama. Faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan harga MSM di pasaran ini disebabkan oleh peningkatan harga minyak kacang soya di pasaran dunia dan penyusutan nilai ringgit berbanding US dolar.

Paras stok akhir minyak sawit pada Julai 2016 didapati mengalami penyusutan kepada 1.77 juta tan iaitu selari dengan penurunan dalam jumlah pengeluaran MSM dan pengurangan import minyak sawit dari Indonesia. Manakala, kadar perahan minyak sawit (OER) berada pada

JADUAL 1. PENGELUARAN MSM MEI-JULAI 2015/2016 (juta tan)

Wilayah	Mei		Jun		Jul		Jumlah (Mei-Julai)		Beza (%)
	2015	2016	2015	2016	2015	2016	2015	2016	
Semenanjung	0.97	0.70	0.96	0.76	1.01	0.77	2.94	2.23	-24.1
Sabah	0.53	0.40	0.49	0.46	0.48	0.48	1.50	1.34	-10.7
Sarawak	0.31	0.27	0.31	0.31	0.33	0.34	0.95	0.92	-3.2
<b>Malaysia</b>	<b>1.81</b>	<b>1.37</b>	<b>1.76</b>	<b>1.53</b>	<b>1.82</b>	<b>1.59</b>	<b>5.39</b>	<b>4.49</b>	<b>-16.7</b>

Sumber: MPOB (2016).

Prestasi eksport minyak dan produk sawit didapati mengalami penurunan kesan daripada pengurangan dalam pengeluaran MSM dan permintaan terhadap produk sawit Malaysia yang perlahan bagi tempoh Mei-Julai 2016. Penurunan dalam pengeluaran minyak sawit yang disebabkan oleh fenomena *El Nino* telah menyebabkan bekalan minyak sawit negara telah berkurangan. Selain itu, ketidaktentuan ekonomi China turut menjadi faktor kepada kejatuhan ekport produk sawit Malaysia ke negara tersebut. Sebaliknya, pengenalan levi cukai ke atas MSM oleh Indonesia telah menyebabkan produk minyak sawit Indonesia lebih berdaya saing berbanding produk minyak sawit Malaysia di pasaran dunia. Nilai eksport produk sawit Malaysia pada tempoh Mei-Julai 2016 adalah sebanyak RM 15.39 bilion atau menyusut sebanyak 5.1% berbanding tempoh masa yang sama pada 2015 (*Jadual 2*).

Harga MSM di pasaran bagi tempoh Mei-Julai 2016 adalah lebih tinggi sebanyak 12.1% kepada RM 2498 per tan berbanding RM 2228 per tan

19.83% pada Mei-Julai 2016 berbanding pada 20.31% pada Mei-Julai 2015. Selain itu, hasil pengeluaran BTS turut mengalami penurunan sebanyak 12.5% pada Mei-Julai 2016 berbanding tempoh masa yang sama pada 2015 kesan daripada fenomena cuaca panas melampau yang dikenali sebagai fenomena *El Nino*.

*Jadual 3* menunjukkan pergerakan harga BTS pada Mei-Julai 2015/2016 mengikut Wilayah. Secara keseluruhannya, purata paras harga BTS pada Mei-Julai 2016 adalah lebih tinggi sebanyak 22.0% berbanding tempoh masa yang sama pada 2015. Di Semenanjung, purata harga BTS pada Mei-Julai 2016 adalah RM 542 per tan iaitu meningkat sebanyak 22.6% berbanding 2015. Selain itu, di Sabah dan Sarawak mencatatkan purata harga BTS masing-masing adalah pada RM 532 per tan dan RM 521 per tan pada Mei-Julai 2016.

Industri sawit Malaysia bagi tempoh Ogos-Disember 2016 dijangka akan terus mencabar ke-

